

pakar-pakar di antara kakitangan-kakitangan, supaya berkhidmat sebagai pensyarah-pensyarah jemputan di Universiti-Universiti negara ini, dan juga di Instituti-Institusi luar negeri. Segala daya usaha hendaklah diambil, bagi mewujudkan tenaga mahir tempatan, supaya dalam tahun-tahun yang akan datang, kita akan mempunyai kakitangan-kakitangan akademi yang mencukupi bagi universiti-universiti tempatan, dan juga institusi-institusi lanjutan pelajaran tinggi. Adalah penting bagi kita melatih guru-guru, bagi memenuhi keperluan yang semakin bertambah, di dalam institusi-